

21 JUN 2003

Umno-Suasana (Bergambar)

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-54 MEMASUKI HARI TERAKHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno kali ke-54 disambung semula hari ini pada hari ketiga dan terakhirnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Persidangan disambung semula pada 8.30 pagi ini dengan sesi perbahasan Usul Ekonomi yang ditangguhkan pada 6.30 petang semalam. Perbahasan hari ini dimulai wakil Negeri Sembilan, Zainudin Ismail.

Satu lagi usul, Usul Pendidikan dan Agama akan dibentang serta dibahaskan oleh para perwakilan hari ini.

Lebih 2,000 perwakilan Umno yang mewakili Jawatankuasa Bahagian, Pemuda, Wanita dan Puteri Umno daripada 165 bahagian di seluruh negara menghadiri persidangan selama tiga hari yang dirasmikan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Perdana Menteri, Khamis lepas.

Beribu-ribu orang terdiri daripada anggota dan bukan anggota Umno serta rakyat pelbagai lapisan masyarakat dan kaum mula membanjiri PWTC sejak awal pagi untuk menyaksikan kemuncak perhimpunan iaitu penggulungan perbahasan oleh Dr Mahathir bagi kali terakhir sebagai Presiden parti selepas beliau menerajuinya selama 22 tahun.

Cuti hari Sabtu ketiga hari ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang ramai yang datang berkumpul di PWTC bagi menunjukkan rasa sayang serta terima kasih mereka kepada negarawan ulung negara yang telah banyak mencurahkan jasa kepada bangsa dan tanah airnya.

Perasaan sedih dan cucuran air mata dijangka mewarnai suasana di dalam dan di luar dewan persidangan hari ini ketika Dr Mahathir menyampaikan nasihat serta amanat terakhirnya petang ini yang akan diikuti dengan penuh khusyuk dan emosi oleh para perwakilan dan hadirin yang menyaksikan peristiwa bersejarah itu.

Ketibaan Dr Mahathir ke hari terakhir persidangan hari ini disambut dengan rentangan 100 meter kain berwarna merah jambu di perkarangan PWTC.

Kain rentang yang mengandungi ribuan tandatangan orang ramai sebagai tanda sayang dan terima kasih kepada Perdana Menteri di atas segala jasa serta sumbangannya kepada negara itu dipegang beramai-ramai oleh anggota Pergerakan Puteri Umno.

Presiden Umno bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang tiba pukul 8.30 pagi turut meluangkan masa melihat kain rentang berkenaan.

Langkah Dr Mahathir menuju ke Dewan Merdeka, tempat berlangsungnya persidangan, mengalami "sekatan dan halangan" apabila penyokong Umno serta orang ramai mengambil kesempatan bersalaman dengan negarawan ulung negara itu.

Orang ramai sejak awal pagi berpusu-pusu tiba di PWTC untuk melihat sendiri wajah pemimpin kesayangan mereka dengan lebih dekat.

Dengan berbekalkan kamera poket, sebilangannya datang bersama keluarga dan anak kecil, ada juga yang datang berkumpul bersama rakan-rakan tidak melepaskan peluang "menahan" Dr Mahathir untuk bergambar bersama.

Perjalanannya ke Dewan Merdeka mengambil masa kira-kira 25 minit apabila Dr Mahathir melayani orang ramai yang berbaris di sepanjang permaidani merah yang dihamparkan dari pintu masuk PWTC di Aras 4 hingga ke pintu dewan, dengan bersalaman dan bertanya khabar.

Emosi sedih di kalangan orang ramai jelas kelihatan apabila mereka tidak dapat menahan sebak dan sayu, malahan ada yang menitiskan airmata ketika bersalaman dengan Dr Mahathir.

Dr Mahathir akan bersara daripada semua jawatan dalam parti dan

kerajaan, selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam Oktober ini.

-- BERNAMA

HS RAR KHY ROS